

**JADUAL PENGUBALAN
PERATURAN-PERATURAN PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018**

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	BAHAGIAN I PERMULAAN	
1	<p>Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 23(1) Akta Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:</p> <p>Nama dan kuat kuasa</p> <p>(1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-peraturan Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018.</p> <p>(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuatkuasa pada ...</p>	
2	<p>Pemakaian</p> <p>Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakaike pada semua majikan dan penyedia penginapan berpusat.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	BAHAGIAN II STANDARD-STANDARD MINIMUM PENGINAPAN PEKERJA	
3	Bangunan penginapan pekerja (1) Setiap bangunan untuk penginapan pekerja hendaklah digunakan bagi tujuan untuk penginapan sahaja. (2) Bangunan tersebut terdiri daripada ruang gunasama, bilik tidur, dapur, bilik mandi, tandas, dan stor hendaklah kekal digunakan bagi tujuan asal. (3) Setiap pekerja hendaklah disediakan ruang lantai bertutup berkeluasan tidak kurang 4 meter persegi. (4) Setiap pekerja yang menginap dalam penginapan berpusat jenis asrama hendaklah disediakan ruang lantai tidak kurang daripada 3 meter persegi. (5) Bagi tujuan sub peraturan (4), asrama ertinya suatu bangunan yang digunakan untuk dinginap	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	oleh sebilangan pekerja.	
4	<p>Kewajipan majikan menyediakan notis berkaitan standard minimum penginapan pekerja dan kebebasan bergerak</p> <p>(1) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan suatu notis bertulis dalam bahasa kebangsaan pekerja tersebut yang akan menginap di penginapan pekerja pada hari ketibaan berkaitan –</p> <ul style="list-style-type: none">(a) standard-standard minimum penginapan;(b) kebebasan bergerak mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan berkaitan; dan(c) kaedah untuk melaporkan pelanggaran hak-hak berkaitan pekerja atau penginapan. <p>(2) Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyimpan selama tidak kurang daripada enam tahun satu salinan notis yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dengan satu pengakuan penerimaan notis itu yang ditandatangani oleh setiap pekerja dan tarikh ia diterima oleh pekerja itu.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(3) Majikan yang menyediakan penginapan atau penyedia penginapan berpusat, hendaklah menampal notis yang dinyatakan dalam subperaturan (1) di tempat yang mudah dilihat di bangunan itu.</p>	
	<p>BAHAGIAN III KEMUDAHAN DAN PENYELENGGARAAN</p>	
5	<p>Kemudahan Asas</p> <p>(1) Setiap pekerja hendaklah disediakan dengan kemudahan –kemudahan yang tidak boleh dikongsi seperti berikut-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) satu katil bersaiz tidak kurang daripada 1.7 meter persegi. Sekiranya katil bertingkat disediakan, ruang antara dua katil hendaklah tidak kurang daripada 0.7 meter;(b) Satu tilam, satu bantal dan satu selimut; dan	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(c) Satu almari berkunci untuk penyimpanan selamat barangan berharga pekerja termasuk paspot dan hendaklah mudah diakses oleh pekerja pada bila-bila masa. Dimensi untuk almari berkunci tersebut hendaklah tidak kurang daripada 0.35 meter panjang, 0.35 meter lebar dan 0.9 meter tinggi.</p> <p>(2)Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan penginapan yang disediakan dengan kemudahan minimum untuk gunasama pekerja termasuk-</p> <ul style="list-style-type: none">(a)ruang gunasama;(b)kipas dan lampu;(c)ruang dapur dengan kompor yang bersesuaian;(d)kawasan pengeringan;(e)tong sampah;(f) peti kecemasan; dan(g)ruang makan dengan kerusi dan meja.	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
6	<p>Kemudahan sanitari</p> <p>(1) Setiap asrama hendaklah disediakan dengan kemudahan minimum sanitari untuk setiap lima belas pekerja-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) satu tandas;(b) satu besin basuh;(c) satu besin mandi atau pancur air; dan(d) satu mangkuk <i>urinal</i>, jika perlu. <p>(2) Setiap bangunan selain daripada asrama hendaklah disediakan dengan kemudahan sanitari minimum bagi setiap enam pekerja-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) satu tandas;(b) satu besin basuh; dan(c) satu besin mandi atau pancur air <p>(3) Kemudahan sanitari itu hendaklah direka untuk menyediakan pekerja dengan persendirian yang cukup, dan pintu yang boleh dikunci.</p> <p>(4) Di bawah subperaturan (1) hendaklah diasingkan antara lelaki dan perempuan.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
7	<p>Bekalan air</p> <p>(1) Bekalan air bersih daripada sumber awam utama hendaklah diberikan secara percuma untuk nilai Ringgit Malaysia Sepuluh untuk setiap pekerja.</p> <p>(2) Sekiranya air daripada sumber awam tidak dapat diperolehi, majikan boleh menyediakan air dari sumber-sumber lain selain daripada sumber awam secara percuma tertakluk kepada kebenaran daripada pihak berkuasa air berkaitan.</p>	
8	<p>Bekalan elektrik</p> <p>(1) Bekalan elektrik hendaklah diberikan secukupnya daripada sumber bekalan awam bagi setiap pekerja.</p> <p>(2) Sekiranya tiada bekalan elektrik awam dapat diperolehi, bekalan elektrik daripada sumber-sumber lain boleh disediakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
9	<p>Kemudahan-kemudahan lain</p> <p>Ketua Pengarah boleh mengarahkan kemudahan-kemudahan lain termasuklah taman asuhan kanak-kanak, dewan komuniti, sukan dan rekreasi, dobi, ruang makan, peti surat, klinik atau hospital dan kemudahan-kemudahan lain.</p>	
10	<p>Penyelenggaraan penginapan pekerja</p> <p>(1) Majikan hendaklah menyediakan penyelenggaraan penginapan pekerja untuk penginapan pekerja dengan menyenggara rekod, disimpan di tempat pekerjaan dan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah apabila diminta.</p> <p>(2) Penyelenggaraan bagi maksud subperaturan (1) termasuk –</p> <ul style="list-style-type: none">a. sebarang kerosakan dalam penginapan hendaklah dibaiki;b. kawasan sekitar penginapan dijaga bersih;c. longkang sekitar kemudahan dijaga dengan baik dan bersih;	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>d. menyediakan tong sampah dan memastikan semua sampah dikutip secara berkala; dan</p> <p>e. tandas dan bilik mandi dijaga dalam keadaan bersih.</p>	
	<p>BAHAGIAN IV PENGINAPAN BERPUSAT</p>	
11	<p>Pemakaian</p> <p>Bahagian ini hanya terpakai kepada penyedia penginapan berpusat.</p>	
12	<p>Permohonan menyediakan penginapan berpusat</p> <p>Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang bercadang untuk menyediakan penginapan berpusat hendaklah mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah dengan mengemukakan sesalinan dokumen-dokumen berikut-</p> <p>(a) daftar syarikat;</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(b) kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk penginapan pekerja;</p> <p>(c) pelan susun atur, lokasi dan pelan lantai;</p> <p>(d) perjanjian sewaan (jika ada);</p> <p>(e) cadangan bilangan penghuni bagi setiap unit;</p> <p>(f) kemudahan keselamatan dan kesihatan;</p> <p>(g) cadangan kemudahan-kemudahan yang disediakan; dan</p> <p>(h) apa-apa maklumat yang diminta oleh Ketua Pengarah.</p>	
13	<p>Perakuan Pematuhan</p> <p>Ketua Pengarah, setelah menerima permohonan di bawah peraturan 12 dan jika dia berpuas hati dengan permohonan itu, boleh mengeluarkan satu Perakuan Pematuhan kepada pemohon untuk tempoh tidak lebih dua tahun.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
14	<p>Membaharui Perakuan</p> <p>Mana-mana penyedia penginapan berpusat hendaklah sebelum luput tempoh 60 hari dari Perakuan itu, memohon kepada Ketua Pengarah untuk memperbaharui sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.</p>	
15	<p>Penarikan Balik Perakuan</p> <p>(1) Ketua Pengarah boleh melalui notis bertulis menarik balik perakuan yang dikeluarkan jika dia berpuas hati penyedia penginapan berpusat-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dibuat di bawahnya;(b) tidak mematuhi mana-mana standard-standard minimum yang ditentukan;(c) telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta ini atau ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(d) syarikat telah digulung atau dibubar;</p> <p>(e) gagal mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;</p> <p>(f) representasi palsu mengenai fakta dokumen pada dokumen Perakuan; atau</p> <p>(g) perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta ini digunakan bertentangan dengan undang-undang.</p> <p>(2) Ketua Pengarah tidak boleh menarik balik perakuan melainkan berpuas hati selepas memberikan penyedia penginapan berpusat peluang untuk membuat apa-apa representasi secara bertulis untuk mengemukakan apa-apa sebab bahawa perakuan itu tidak boleh ditarik balik dalam tempoh yang dinyatakan di dalam notis bertulis itu.</p> <p>(3) Selepas luput tempoh yang dinyatakan di dalam notis bertulis itu, dan selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat di bawah subperaturan (2), Ketua Pengarah hendaklah membuat keputusan sama ada untuk menarik balik perakuan.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(4) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu kepada penyedia penginapan berpusat keputusannya itu di bawah subperaturan (3) melalui notis bertulis.</p> <p>(5) Penyedia penginapan berpusat boleh selepas menerima notis bertulis dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan penarikan balik, memfailkan notis rayuan kepada Menteri.</p> <p>(6) Menteri apabila menerima rayuan hendaklah membuat satu keputusan.</p> <p>(7) Perakuan yang ditarik balik hendaklah terhenti berkuatkuasa serta merta.</p>	
	<p>BAHAGIAN V PENGINAPAN PEKERJA ESTET</p>	
16	<p>Pemakaian</p> <p>Bahagian ini hendaklah terpakai kepada majikan yang menyediakan penginapan kepada pekerja estet dan tanggungannya.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
17	<p>Definisi pekerja, tanggungan dan estet</p> <p>Bagi tujuan Bahagian ini-</p> <p>(1) “estet” ertinya mana-mana tanah pertanian yang melebihi 20 hektar di mana perusahaan apa-apa jenis pertanian dijalankan yang mana hasil apa-apa tanaman atau pokok dikutip atau dipulihara, atau mana-mana lombong atau tempat-tempat pekerjaan lain yang diisytihar oleh Menteri melalui perintah.</p> <p>(2) “pekerja” ertinya seorang pekerja yang ditafsirkan di bawah Jadual Satu Akta Kerja 1955 dan termasuk tanggungannya.</p> <p>(3) “tanggungan” ertinya pasangan, ibu bapa (termasuk bapa tiri dan ibu tiri), datuk nenek, anak (termasuk anak tiri), abang dan kakak (termasuk saudara lelaki dan saudara perempuan seibu atau sebapa dan saudara tiri lelaki dan saudara tiri perempuan) seseorang pekerja, yang bergantung kepada pekerja itu, dan termasuklah-</p> <p>(a) mengenai anak, anak tak sah atau anak angkat mengikut mana-mana undang-</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>undang bertulis mengenai pengangkatan; dan (b)mengenai ibu bapa, ibu bapa kepada anak tak sah, dan mana-mana orang yang mengangkat pekerja utu mengikut mana-mana undang-undang bertulis mengenai pengangkatan;</p>	
18	<p>Standard-standard minimum penginapan untuk keluarga</p> <p>(1) Setiap penginapan keluarga hendaklah mematuhi perkara berikut-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Ruang bertutup terdiri daripada bilik tidur, ruang makan, ruang gunasama dan beranda tidak kurang daripada 35 meter persegi;(b) Minimum 3 bilik tidur yang tidak kurang setiap bilik mestilah-<ul style="list-style-type: none">i. satu ruang tidak kurang daripada 8 meter persegi dengan sisi tidak kurang daripada 2.5 meter; dan	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>ii. disediakan dengan katil-katil yang mempunyai ruang tidak kurang daripada 1.7 meter persegi bagi setiap orang dewasa dan suatu almari pakaian bertingkat dengan permukaan ruang tidak kurang daripada 2.3 meter persegi.</p> <p>(c) sebagai tambahan kepada ruang bertutup di atas, satu ruang dapur, sanitari dan kemudahan membasuh disediakan.</p> <p>(2) Suatu dapur yang disediakan dengan-</p> <p>(a) tidak kurang daripada 5 meter persegi dengan sisi tidak kurang daripada 2 meter;</p> <p>(b) meja kerja dengan permukaan yang licin, kukuh dan boleh dicuci;</p> <p>(c) almari penyimpanan makanan berukuran tidak kurang daripada 1.7 meter persegi;</p> <p>(d) paip air yang mencukupi; dan</p> <p>(e) sinki.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(3) Bilik mandi dan tandas-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) tidak kurang daripada 2 meter persegi dengan sisi tidak kurang 1 meter; (b) air paip; (c) tub air atau pancuran air; (d) mangkuk tandas; (e) tangki air berkapasiti 270 ke 360 liter. <p>(4) Satu ruang membasuh tidak kurang daripada 4.5 meter persegi bagi setiap dua unit bangunan.</p> <p>(5) Satu tandas bagi setiap enam pekerja berkeluasan tidak kurang daripada 1.1 meter persegi.</p>	
19	<p>Standard minimum untuk pekerja tanpa ditemani keluarga</p> <p>(1) Majikan yang menyediakan kemudahan untuk pekerja yang tidak ditemani keluarganya hendaklah</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>mematuhi perkara-perkara berikut-</p> <ul style="list-style-type: none">(a) disediakan katil berkeluasan tidak kurang daripada 1.7 meter persegi bagi setiap pekerja;(b) satu almari pakaian yang dinyatakan dalam Peraturan 5(1)(c). <p>(2) Satu dapur disediakan yang</p> <ul style="list-style-type: none">(a) tidak kurang daripada 5 meter persegi dengan sisi tidak kurang daripada 2 meter;(b) meja kerja dengan permukaan licin, kukuh dan boleh dicuci;(c) almari penyimpanan makanan berukuran tidak kurang daripada 1.7 meter persegi;(d) paip air yang mencukupi; dan(e) singki. <p>(3) Bilik mandi dan tandas</p> <ul style="list-style-type: none">(a) tidak kurang daripada 2 meter persegi dengan sisi tidak kurang daripada 1 meter;	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>(b) air paip;</p> <p>(c) tub air atau pancuran air;</p> <p>(d) mangkuk tandas; dan</p> <p>(e) tangki air berkapasiti 270 ke 360 liter;</p> <p>(4) Satu ruang membasuh tidak kurang daripada 4.5 meter persegi bagi setiap dua unit bangunan;</p> <p>(5) Satu tandas bagi setiap enam pekerja dengan berkeluasan tidak kurang daripada 1.1 meter persegi.</p>	
20	<p>Bekalan air</p> <p>(1) Bekalan air bersih daripada sumber awam utama dengan minimum sebanyak seratus tiga puluh liter air bagi setiap pekerja.</p> <p>(2) Sekiranya air daripada sumber awam tidak dapat diperolehi, majikan boleh menyediakan air dari sumber-sumber lain selain daripada sumber awam secara percuma tertakluk kepada kebenaran daripada pihak berkuasa air berkaitan.</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
21	<p>Taman Asuhan Kanak-kanak</p> <p>(1) Tertakluk kepada Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308], jika terdapat pekerja yang menetap di tempat pekerjaan dan pekerja sedemikian mempunyai tidak kurang daripada sepuluh orang tanggungan di bawah umur empat tahun yang tinggal bersama-sama mereka, Ketua Pengarah boleh, dengan perintah, menghendaki majikan kepada pekerja itu membina di tempat pekerjaan suatu taman asuhan kanak-kanak selaras dengan Akta 308.</p> <p>Dengan syarat bahawa dia tidak boleh menempatkan di dalamnya tanggungan lebih daripada bilangan yang ditentukan dalam kehendak yang disebut dalam subperaturan (1).</p> <p>(2) Seorang majikan hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, membayar gaji atau caj terakru dalam menempatkan tanggungan-tanggungan di taman asuhan kanak-kanak.</p> <p>(3) Mana-mana taman asuhan kanak-kanak yang</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>disediakan di bawah Akta ini hendaklah diselenggara selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta 308.</p>	
22	<p>Dewan komuniti</p> <p>(1) Ketua Pengarah boleh melalui perintah, menghendaki majikan dalam mana-mana tempat pekerjaan di mana terdapat tidak kurang 100 pekerja yang tinggal di tempat pekerjaan untuk mendirikan dewan komuniti.</p> <p>(2) Pembinaan dewan komuniti sebagaimana dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah seperti berikut-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) kawasan bersih - 1 meter persegi bagi setiap orang; (b) kapasiti minimum - 100 orang; dan (c) ketinggian minimum - 9 meter. 	
23	<p>Kemudahan sukan dan rekreasi</p> <p>(1) Ketua Pengarah boleh melalui perintah,</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>menghendaki majikan dalam mana-mana tempat pekerjaan di mana terdapat tidak kurang dari 100 pekerja yang tinggal di tempat pekerjaan untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi.</p> <p>(2) Kemudahan sukan dan rekreasi sebagaimana dinyatakan dalam subperaturan (1) hendaklah terdiri daripada dua gelanggan badminton dengan keluasan 6 meter x 13 meter.</p>	
24	<p>Pengangkutan pekerja yang sakit ke hospital</p> <p>(1) Adalah menjadi kewajipan majikan atas perbelanjaannya sendiri—</p> <p>(a) memastikan bagi tiap-tiap pekerja yang diambil kerja di estet dan mana-mana tanggungan pekerja itu yang memerlukan rawatan perubatan dibawa dengan selamat tanpa lengah pergi dan balik dari klinik atau hospital; dan</p> <p>(b) membuat persiapan dan menyediakan alat bagi membawa dengan selamat seorang pekerja yang sakit atau mana-mana tanggungan pekerja yang sakit pergi dan</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>balik dari hospital sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Perubatan Kesihatan atau mana-mana Pegawai Perubatan dari semasa ke semasa.</p>	
25	<p>Pekerja sakit yang dimasukkan ke hospital Kerajaan</p> <p>(1) Jika seorang pekerja pada waktu dia dimasukkan ke hospital Kerajaan bekerja dan tinggal di mana-mana estet, majikan hendaklah membayar perbelanjaan sara hidup dan rawatan di hospital itu bagi pekerja itu dan bagi mana-mana tanggungan pekerja itu pada kadar sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i>.</p> <p>(2) Perbelanjaan yang dilakukan di bawah subperaturan (1) hendaklah apa jua pun amaunnya, boleh didapatkan kembali daripada majikan melalui Mahkamah Sivil apabila dituntut oleh Pegawai Perubatan yang menjaga hospital itu, dan perakuan Pegawai Perubatan itu adalah keterangan <i>prima facie</i> yang mencukupi bahawa amaun yang dinyatakan di dalamnya kena dibayar oleh majikan:</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada perbelanjaan tiga puluh hari di dalam hospital berkenaan dengan mana-mana pekerja atau tanggungan boleh didapatkan kembali.</p> <p>(3) Tiada perbelanjaan yang dibayar oleh seseorang majikan di bawah subperaturan (1) boleh didapatkan kembali daripada mana-mana pekerja.</p>	
26	<p>Untukan Tanah</p> <p>(1) Jika terdapat pekerja yang menetap di tempat pekerjaan, majikan kepada pekerja itu hendaklah mengeneipkan tanah yang telah dibersihkan, bagi diuntukkan kepada pekerja itu bagi penanaman, ragut atau sebahagiannya penanaman dan sebahagian lagi ragut:</p> <p>Dengan syarat bahawa seorang majikan tidak dikehendaki untuk membuang apa-apa tanaman kekal yang telah ditanam olehnya sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelumnya.</p> <p>(2) Seorang pekerja yang menetap di tempat pekerjaan, yang telah diambil kerja untuk tempoh tidak kurang dari enam bulan oleh majikan yang</p>	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>disebut terdahulu adalah berhak diuntukkan kepadanya kawasan seluas 250 meter persegi daripada tanah yang diketepikan itu.</p> <p>(3) Jika suatu kawasan tanah yang diuntukkan bagi penanaman (sama ada kesemuanya atau sebahagiannya) masih belum bertanam dalam tempoh enam bulan dari tarikh untukan, atau jika seorang pekerja menggunakan kawasan tanah yang diuntukkan kepadanya bagi maksud yang berlainan daripada yang diuntukkan, atau jika dia tidak menggunakannya sama sekali bagi maksud yang diuntukkan, majikan boleh menamatkan untukan itu dan kemudian daripada itu boleh menguntukkan kawasan tanah itu kepada pekerja lain.</p> <p>(4) Berhubungan dengan pengeneplan tanah di bawah peraturan ini—</p> <ul style="list-style-type: none">(a) tanah yang diuntukkan kepada pekerja hendaklah terletak seberapa dekat yang boleh dengan perumahan pekerja; dan(b) tanah untuk ragut hendaklah, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada seorang Pegawai Perubatan Kesihatan, terletak pada jarak yang tidak kurang	

No.	Cadangan Peraturan	Ulasan
	<p>daripada 183 meter dari perumahan pekerja.</p> <p>(5) Ketua Pengarah boleh, atas sebab yang mencukupi, mengecualikan setakat yang mungkin, sebagaimana yang dinyatakan dalam pengecualian itu, mana-mana majikan daripada mematuhi seksyen ini atas terma dan syarat dan selama tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut.</p>	